

03/03/1998

First Cartel harus kaji senarai pelumba

Zairee Zahir

EDISI ketiga Le Tour de Langkawi 1998 berakhir kelmarin dengan mendapat pujian pelbagai pihak, termasuk pencetus idea yang juga penaungnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Semua pihak terbabit pasti menunggu penuh debar sama ada Kesatuan Lumba Basikal Antarabangsa (UCI) bersedia menaikkan taraf status 2.5 jelajah prestij itu atau sebaliknya untuk edisi akan datang.

Walaupun pujian mencurah-curah, LTDL kali ini tetap menanggung cacat yang seharusnya diperbaiki pada penganjuran akan datang.

Di samping mengkaji semula senarai pasukan yang diundang, penganjur First Cartel (M) Sdn Bhd harus mengutamakan barisan pelumba terbaik, sama ada pasukan profesional bahagian satu, dua atau pasukan kebangsaan, bukan semata-mata jumlah besar pasukan yang datang.

Mapei-Bricobi dan Scrigno-Gaerne sebagai pasukan profesional bahagian satu memang terserlah kehandalannya dengan menguasai banyak peringkat perlumbaan, sebaliknya TVM dari Belanda yang tergolong dalam kelas itu jelas mengecewakan.

Walaupun diundang pada saat akhir, pasukan itu nyata tidak bersedia hingga terpaksa menarik diri di pertengahan perlumbaan kerana difahamkan tersalah hitung dan tidak mengetahui cabaran sebenar yang menunggu dalam LTDL.

Mujur kehadiran pasukan profesional bahagian dua seperti Tuul Tunturi, Post Swiss, Oilme Klein, MROZ, Agro Adler, CSKA Lada-Samara dan Saturn menyelamatkan LTDL dengan aksi bermutu tinggi pelumbanya.

Sama seperti pasukan profesional, kehadiran Slovakia juga kurang dirasakan kerana pelumba pasukan itu juga kecundang menjelang pertengahan siri jelajah.

Sebagai cadangan, ada baiknya First Cartel bersedia lebih awal dan menghulur undangan selepas membuat tapisan teliti berdasarkan rekod dan latar belakang sesuatu pasukan.

Di samping mengambil kira jumlah pasukan, rekod pencapaian pasukan terbabit juga tidak harus diketepikan demi mempopularkan lagi LTDL sebagai kejohanan ketiga berprestij dunia dari segi hadiah wang tunai.

Selain itu, penganjur juga perlu mengkaji laluan perjalanan serta tempoh kejohanan supaya ia setanding dengan Tour de France atau Giro d'Italia. Diharap LTDL pada masa depan lebih jauh dan mencabar kerana pada siri kali ini, hanya laluan Grik-Kota Bharu, Port Dickson-Shah Alam dan Tanjung Malim-Genting Highlands sahaja yang benar-benar memeritkan.

Kalau boleh penganjur juga perlu mengurangkan pergerakan pindah dari suatu lokasi penamat ke lokasi bermula kerana ia membebankan pasukan, pelumba serta petugas lain.

First Cartel juga perlu membaiki beberapa aspek perkhidmatan yang dirasakan tidak kurang pentingnya demi kelancaran LTDL sendiri.

Tidak dinafikan marsyal dan anggota polis yang bertugas mengawal kelancaran laluan memainkan peranan dengan baik mengikut ketetapan dan syarat UCI tetapi kadang kala, mereka berlagak menunjuk kuasa dan tidak mahu memahami tugas orang lain.

Kenderaan media yang berada di belakang konvoi pelumba, semata-mata untuk mendapat laporan langsung komisar atau pengarah perlumbaan, dianggap seperti musuh dan seringkali disambut dengan jelingan sinis.

Petugas yang menunggu di garisan penamat juga ibarat lebih sudu dari kuah. Sudahlah memenuhi hampir setiap ruang di garisan penamat, mereka

juga sering menghalang sudut rakaman jurugambar yang disediakan sehingga menyukarkan petugas media.

Pada suatu peringkat, kakitangan sebuah syarikat penaja lebih ramai menunggu berhampiran garisan penamat berbanding petugas rasmi dan media hingga mencetus bahaya jika pelumba gagal mengawal basikal yang sedang memecut deras ke garisan penamat.

Kesediaan penganjur menyediakan pusat media untuk memudahkan kerja petugas media mendapat keputusan dan maklumat serta menghantar laporan juga terpuji. Cumanya, kurang pengawasan penganjur menyebabkan pusat media bertukar menjadi kantin setiap kali tamat perlumbaan.

Kerap kali, mereka yang memakai kad akreditasi bertulis `Official', `Support', `Promotions', `Secretariat' dan `Guest' memenuhi ruang sempit di dalam pusat media sambil membasah dan menjamu tekak.

Disebabkan LTDL membabitkan jumlah petugas besar, hotel penginapan juga sering berselerak. Penginapan berbeza ini menyukarkan petugas media memburu maklumat terkini.

Ada banyak lagi beberapa aspek mengecewakan, tapi kehampaan terhadap prestasi pelumba Time-Telekom Malaysia pada akhir perlumbaan lebih besar. Diharap Persekutuan Berbasikal Kebangsaan Malaysia (MNCF) sendiri lebih bersedia melengkapi pelumba negara pada LTDL edisi akan datang.

(END)